

Inisiatif SMJ Energy, Yayasan MyKasih santuni pelajar kurang berkemampuan

Oleh Siti Aisyah Narudin

PITAS: Sebelum ini, duit belanja persekolahan hanya digunakan bila ada keperluan membeli peralatan sekolah dan keinginan untuk membeli di kantin.

Namun, melalui bantuan MyKasih iaitu hasil inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) SMJ Energy Sdn Bhd dengan kerjasama Yayasan MyKasih, lebih ramai pelajar kurang berkemampuan di daerah ini berpeluang membeli makanan di kantin dan peralatan pembelajaran di koperasi sekolah.

Bantuan berkenaan turut menyantuni lebih 2,000 pelajar daripada golongan B40 melibatkan tujuh sekolah termasuk tiga sekolah menengah dan empat sekolah rendah di Pitas.

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kanibungan di sini antara sekolah yang menerima manfaat bantuan MyKasih melibatkan seramai 632 pelajar keseluruhannya.

Salah seorang pelajar SMK Kanibungan, Alexa Grace Zulkepli, 15, berkongsi kegembiraan selepas mendapat bantuan berkenaan kerana ia dapat meringankan beban ibu bapanya.

"Saya bukannya selalu dapat bantuan dan saya juga bukannya selalu berbelanja di sekolah. Sebab itulah saya sangat gembira kerana dapat menerima bantuan MyKasih ini."

"Biasanya setiap dua minggu sekali ibu bapa saya akan memberi wang belanja sebanyak RM20. Jumlah ini memang cukup kerana saya tinggal di asrama yang menyediakan makanan."

"Tapi bila ada keperluan lain seperti buku atau pen, saya perlu menggunakan sedikit duit belanja biarpun setiap hari saya hanya berbelanja RM1 di kantin sekolah," katanya.

Alexa berkata, bapanya hanya bekerja sendiri manakala ibunya suri rumah. Justeru, bantuan kewangan MyKasih sememangnya sangat membantu untuk membeli barang keperluan sekolah dan juga makanan di kantin.

Anak keempat daripada lima adik-beradik ini berkata, biarpun dapat bantuan MyKasih, ibu bapanya masih menyediakan duit perbelanjaan jika ada keperluan untuk dibeli di luar kawasan sekolah memandangkan bantuan MyKasih hanya boleh dibelanjakan di sekolah.

Bagi Aimar Hakimi Abdullah, 15, duit belanjanya ke sekolah setiap hari adalah RM2 untuk membeli nasi lemak dan air minuman.

Namun katanya, selepas mendapat bantuan MyKasih, duit itu boleh digunakan untuk membeli makanan lain di kantin dan juga barang keperluan sekolah di koperasi.



MYKASIH: Masidi (kanan) menunjukkan mesin yang digunakan pelajar untuk berbelanja dengan bantuan MyKasih.



ALEXA



AIMAR



ISMAL

Menurutnya, duit bantuan itu juga tidak akan dibelanjakan secara boros tetapi secara berhemah supaya bantuan itu dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Anak sulung daripada dua beradik ini suka berbelanja di kantin biarpun ada masanya membawa bekal ke sekolah.

"Biasanya saya beli nasi di kantin dan makan beramai-ramai bersama rakan sekelas yang lain."

"Kalau ada duit lebih, bolehlah saya membeli makanan dan minuman lain," katanya yang turut gembira selepas menerima bantuan MyKasih.

Sementara itu, penyelaras program MyKasih yang juga Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Kanibungan Pitas, Ismail Alibah berkata, kebanyakan pelajar di sekolah itu datang dari keluarga B40.

Justeru katanya, seramai 632 daripada 660 pelajar sekolah itu layak menerima bantuan berkenaan memandangkan kebanyakan ibu bapa pelajar bekerja sebagai nelayan dan petani.

Menurutnya, sebelum ini para pelajar belum pernah menerima bantuan seumpama ini daripada mana-mana syarikat atau agensi kerajaan dan hanya sumbangan peribadi daripada wakil rakyat terutama kepada pelajar cemerlang.

Sehubungan itu, beliau berharap, sumbangan ataupun bantuan MyKasih ber-

sama SMJ Energy dan Yayasan MyKasih ini dapat digunakan oleh para pelajar dengan sebaiknya.

"Bantuan ini boleh mereka gunakan untuk belanja harian dan juga membeli alat-alat keperluan sekolah seperti bukutulis, buku rujukan, pen, pemadam dan sebagainya."

"Pihak sekolah juga memantau perbelanjaan para pelajar supaya bantuan ini memberi manfaat sepenuhnya kepada mereka," katanya.

Program MyKasih di SMK Kanibungan dirasmikan oleh Menteri Kewangan yang juga Pengurus SMJ Energy Sdn Bhd Datuk Seri Panglima Masidi Manjun pada Selasa.

Beliau berkata, SMJ Energy memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta untuk melaksanakan Program MyKasih di daerah Pitas.

Katanya, usaha itu mencerminkan komitmen syarikat dalam memastikan manfaat hasil industri minyak dan gas Sabah disalurkan semula kepada rakyat, khususnya anak-anak negeri ini.

Menurutnya, sekiranya sedikit bantuan itu mampu mengubah haluan hidup seorang pelajar, maka ia adalah satu pelaburan yang sangat besar nilainya.

Selain itu beliau berkata, Yayasan MyKasih memainkan peranan penting dalam pelaksanaan program itu termasuk memantau dan menyediakan laporan impak berkala.

"Inisiatif ini melengkapi usaha berterusan pihak sekolah, pegawai pendidikan, dan pertubuhan tempatan di Pitas. Kami sedar memajukan pendidikan luar bandar memerlukan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Tujuh sekolah yang terlibat dengan Program MyKasih di Pitas adalah SMK Kanibungan, SMK Bongkol, SMK Telaga, Sekolah Kebangsaan (SK) Kanibungan, SK Dallas, SK Sosop dan SK Datong.